



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

KENYATAAN MEDIA

**URUSNIAGA KOMERSIAL SIJIL TENAGA BOLEH BAHARU (REC)
MALAYSIA MELALUI MALAYSIA GREEN ATTRIBUTE TRADING SYSTEM
(mGATS) BANTU SYARIKAT KORPORAT PENUHI KOMITMEN ESG**

PUTRAJAYA, 8 MEI 2024 - Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) akan meluncurkan pelaksanaan urusniaga komersil sijil tenaga boleh baharu (*Renewable Energy Certificate – REC*) melalui *Malaysia Green Attribute Trading System* (mGATS), yang telah dibangunkan dan dikendalikan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) melalui anak syarikatnya TNBX Sdn. Bhd. Usaha ini adalah sejajar dengan hasrat negara untuk mencapai aspirasi dan sasaran pembebasan karbon sifar bersih seawal tahun 2050.

Platform mGATS telah beroperasi sejak tahun 2019 sebagai pusat sehenti informasi berkaitan REC, dan juga sistem pengesanan atribut hijau bagi penyediaan REC bagi tenaga elektrik daripada loji jana kuasa tenaga boleh baharu (TBB) di Semenanjung. Platform ini telah diperluaskan fungsinya, dijenamakan semula bagi memastikan urus tadbir dan pengendalian atribut hijau termasuk REC dilakukan dengan lebih efektif, sistematik dan holistik.

Penjenamaan semula dan tambahan fungsi mGATS telah disempurnakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Sri Fadillah bin Hj. Yusof semasa merasmikan *The International Greentech & Eco Products Exhibition and Conference Malaysia* (IGEM) 2023 pada bulan Oktober

2023 yang lalu. Pendekatan ini adalah seiring dengan penekanan khusus dalam pematuhan komitmen ESG berkaitan penggunaan bekalan elektrik hijau yang diterap syarikat-syarikat korporat, memandangkan penjanaan elektrik daripada bahan api fosil merupakan antara aktiviti yang mempunyai intensiti pelepasan karbon yang tinggi.

Pengoperasian platform dagangan mGATS akan membolehkan penawaran, pembelian serta urusniaga komersil REC dilakukan secara telus, boleh kesan (*traceable*) dan teratur. *Renewable Energy Certificate* atau REC yang diurusniagakan secara komersil melalui mGATS merupakan dokumen bagi membuktikan 1 megawatt jam (MWj) tenaga elektrik telah dijana daripada sumber TBB seperti solar, hidro, biojisim dan biogas. Pembuktian melalui REC merupakan kaedah yang digunakan secara meluas oleh syarikat-syarikat korporat di peringkat global untuk membuktikan pematuhan komitmen ESG bagi penggunaan bekalan elektrik hijau.

REC ini boleh disatukan (*bundled*) dengan bekalan elektrik daripada grid dan ditawarkan sebagai bekalan elektrik hijau kepada pengguna seperti Program *Green Electricity Tariff* (GET), ataupun boleh ditawarkan secara berasingan (*unbundled*) kepada pengguna termasuk syarikat korporat sebagai mana dilakukan di bawah platform mGATS, bagi membuktikan penggunaan bekalan daripada sumber TBB.

Pelaksanaan urusniaga komersil REC melalui mGATS akan dimulakan dengan pendaftaran pengguna **mulai 8 Mei 2024** melalui laman sesawang <https://platform.mgats.com.my>. TNBX Sdn. Bhd. sebagai pengendali platform dagangan ini akan memastikan REC yang

diurusniaga telah mendapat persijilan atau pendaftaran antarabangsa seperti *I-TRACK Foundation* bagi memastikan kredibilitinya. Perincian mengenai urusniaga komersil REC melalui mGATS boleh didapati di laman sesawang www.mgats.com.my.

Bagi memastikan REC yang dihasilkan di Malaysia akan menyumbang kepada sasaran pengurangan jejak karbon negara, selain dimanfaatkan sepenuhnya oleh syarikat korporat beroperasi di negara ini, REC yang dijana di Semenanjung daripada program-program TBB Kerajaan tidak boleh dipindah milik kepada negara luar kecuali melalui *Energy Exchange Malaysia (ENEDEM)* atau program yang telah diluluskan Kerajaan dari semasa ke semasa. Langkah ini akan memastikan supaya akses tenaga elektrik hijau dan juga atributnya akan kekal menjadi daya penarik kemasukan pelaburan bernilai tinggi ke Malaysia.

Dengan pembukaan urusniaga komersil REC melalui mGATS, PETRA yakin ia akan membuka peluang dan nilai tambah yang berupaya merancakkan lagi pembangunan industri TBB negara, selain menyumbang secara positif kepada aspirasi peralihan tenaga dan perubahan iklim negara.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR 8 MEI 2024